



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN BERTARAF KONTRAK DI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebuah organisasi yang bertanggungjawab memberi pinjaman kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi yang layak dan menerima deposit di bawah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), mempelawa calon-calon **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan dan berumur kurang daripada 45 tahun pada 31 Disember 2015 untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf tetap seperti berikut :

JAWATAN : **PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/OPERASI)**

GRED : **N17**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**

TARAF JAWATAN : **KONTRAK**

PENEMPATAN : **PEJABAT PTPTN NEGERI (PPN) :
KELANTAN, TERENGGANU, PAHANG,
MELAKA, PERLIS DAN SABAH**

JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM (JGMM)	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)
	928.00	3,375.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (d) Keujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas).

3. SYARAT-SYARAT UMUM

- i. Calon memiliki kelayakan yang disyaratkan.
- ii. Warganegara Malaysia.
- iii. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

4. IMBUHAN / ELAUN :

Selain daripada gaji bulanan, Imbuan Tetap Khidmat Awam / Imbuan Tetap Keraian dan Imbuan Tetap Perumahan akan dibayar kepada calon yang layak.

Jenis Elaun / Gred	Jumlah
Imbuan Tetap Khidmat Awam	RM115.00
Imbuan Tetap Perumahan	RM180.00
Bantuan Sara Hidup*	RM300.00

** Jumlah yang dinyatakan berbeza mengikut negeri*

5. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan-jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. CARA MEMOHON

- i. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (**online**) di laman web PTPTN, **www.ptptn.gov.my sebelum atau pada 24 Julai 2015.**
- ii. Calon yang berjaya untuk sesi temuduga akan dihubungi melalui e-mail bagi makluman tarikh menghadiri temuduga serta penyediaan dokumen-dokumen sokongan yang perlu. Sila pastikan alamat e-mail yang dikemukakan masih aktif dan boleh digunakan.

7. PERMOHONAN YANG DITOLAK

Permohonan yang berikut akan ditolak :

- i. Tidak memenuhi syarat lantikan yang telah ditetapkan; dan
- ii. Maklumat yang dinyatakan tidak lengkap atau meragukan.

8. CATATAN AM

- i. Pusat temuduga bagi jawatan yang diiklankan adalah sepertimana yang dinyatakan dalam iklan di atas. Sebarang pertukaran pusat temuduga adalah tidak dibenarkan.
- ii. Calon yang tidak menerima sebarang jawapan 3 bulan selepas dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iii. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan jawatan dan urusan temuduga adalah di atas tanggungjawab sendiri.
- iv. Hanya calon yang berjaya di dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.